

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan bagi menawarkan sebut harga seperti berikut:-

Butiran Sebut Harga	Harga Dokumen (RM)	Kelas Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga
MAIM/SH/04/2026 Merekabentuk, Mencetak Dan Membekal Takwim Hijrah 1448H Dan 1449H Serta Waktu Solat Seluruh Negeri Melaka.	RM20.00	Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang 221601 & 221615 Wajib mempunyai Lesen KDN bagi mencetak Takwim Hijrah	30.4.2026 (Khamis) 12.00 Tengah hari

2. Penyebut Harga yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah melanggan di **SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM)**. Dokumen sebut harga boleh dibeli mulai **24 April 2026 (Jumaat)** secara dalam talian melalui laman sesawang <https://stom.melaka.gov.my>
3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan ditulis tajuk dan nombor sebut harga seterusnya dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** secara **SERAHAN TANGAN** di **Unit Perolehan, Majlis Agama Islam Melaka, Aras Bawah, Pusat Islam Melaka, Jalan Bukit Palah, 75400 Melaka**. Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Perolehan, Majlis Agama Islam Melaka di talian 06-283 7416.
4. Satu sesi taklimat akan diberi kepada penyebut harga dan **DIWAJIBKAN HADIR**. Sila bawa bersama sijil pendaftaran asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) serta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya penama disijil akaun pendaftaran Syarikat Sahaja boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Penyebut harga tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 24 April 2026 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 1,
Majlis Agama Islam Melaka,
Bukit Palah, Melaka

5. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai sebut harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

Spesifikasi : **Nurulkhairiyah binti Zawawi - Bahagian Komunikasi Korporat, Promosi dan Penerbitan**
Dokumentasi : **Nor Hafizah Binti Idris - Unit Perolehan**



.....
(SHAIFULFAZLEE BIN MOHAMAD)
Setiausaha
Majlis Agama Islam Melaka